

DIPLOMA PERGURUAN SENILUKIS  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM.

Kertas Penggal

Tajuk : SENI TENUNAN DI SEKOLAH MENENGAH.

Pembentang : RUZAINI BINTI MOHD. HASHIM.

I. C. ITM : 81527912.

Pensyarah : ENCIK DR. MOHD. AHMAD BIN HASHIM.

"ISI KANDUNGAN"

KATA PENGANTAR

MUKA SURAT

- |     |  |       |
|-----|--|-------|
| 1). | SENI TENUNAN DI SEKOLAH-SEKOLAH<br>MENENGAH  | 2-4   |
| 2). | PENGENALAN   | 5-8   |
| 3). | ASAS MENCORAK  | 9-10  |
| 4). | PENGENALAN ALAT-ALAT YANG<br>DIGUNAKAN DAN PROSES MENYUNGKET   | 11-14 |
| 5). | PENGENALAN SENI TENUNAN DALAM<br>PENDIDIKAN SENI   | 15-17 |
| 6). | CADANGAN SERTA PENGENALAN<br>KEPADA KAEDAH-KAEDAH YANG SESUAI<br>DAN MUDAH DALAM SENI TENUNAN DI<br>SEKOLAH. | 18-25 |
| 7). | MASALAH DAN PENILAIAN TENTANG<br>PENGAJARAN SENI TENUNAN DI SEKOLAH  | 26-29 |
| 8). | PENUTUP  | 30-31 |

## SENI TENUNAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH

### 1) PENDAHULUAN

Masyarakat kita khususnya, masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan seni yang berbagai bentuk dan ragam. Perkataan 'seni' itu sahaja mengandungi berbagai pengertian yang luas tetapi apa yang hendak diambilkira di sini ialah seni yang mempergunakan kemahiran serta berlandaskan nilai-nilai estetika yang boleh dilihat secara sedar maupun sebaliknya.

Tidak dapat dinafikan bahawa seni-seni seperti seni ukiran, seni tembikar, seni tenunan dan sebagainya lagi menjadi keagungan serta kebanggaan orang-orang Melayu tetapi kemungkinan ianya terpusus dalam kepesatan sains dan teknologi tidak dapat disangkalkan.

Untuk mengenal pasti sesuatu seni kemahiran ini secara dekat dan mendalam adalah menjadi anggapan ramai sebagai satu perkara yang rumit. Akan tetapi apa yang menjadi pengubatnya ialah keperluan minat yang mendalam serta pengamatan yang tidak kunjung padam. Maka dari titik tolak inilah saya rasa perlu bagi diri saya untuk menulis mengenai salah satu daripada seni kemahiran tersebut.

Seni tenunan amat menarik perhatian saya dan sejajar dengan usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi mutu penghasilan seni ini maka saya memilih tajuk tersebut sebagai kertas kajian saya.

Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa seni tenunan ini adalah satu-satunya kraftangan tradisi yang telah dipusakai dari nenek moyang kita sejak zaman berzaman lagi. Kegemilangannya boleh dilihat di dalam istana-istana raja-raja serta pembesar-pembesar istana.

Kajian ini juga berdasarkan atas kesedaran bahawasanya jenerasi-jenerasi muda kini tidak begitu berminat dalam seni kraftangan seumpama ini. Perkara ini amat menarik perhatian saya. Pokok pangkalnya bukanlah kekurangan minat yang menimbulkan masalah ini tetapi sebaliknya kekurangan pengetahuan tentang hal ini. Sebagai contoh-

nya satu kajian yang dilakukan disebuah sekolah menunjukkan se-pintas lalu betapa kurangnya minat guru dalam mengajar seni te-nunan ini. Kemungkinan ianya disebabkan oleh kececekan pengetahuan maupun kelecehan dalam mengajar seni tersebut boleh diambilkira. Perkara yang pasti ialah ianya satu kerugian besar bagi pelajar-pelajar yang meminati seni ini ataupun yang ingin belajar mengenai-nya.

Sesuai dengan peredaran zaman yang membawa pelbagai perubahan maka wajarlah bagi seni tenunan ini melalui beberapa tahap per-bezaan. Ciri-ciri perbezaan ini boleh dilihat dengan jelas di-mana corak-corak tenunan orthodox di zaman silam dikemaskinikan dan apa yang didapati sekarang ialah gubahan-gubahan moden yang indah dan menarik seiring dengan kehendak masyarakat masa kini.

Sesungguhnya amatlah perlu bagi seni-seni kemahiran seumpama ini diajar di sekolah-sekolah. Melalui langkah ini di harap jenerasi-jenerasi muda akan dapat mengenal pasti lagi seni tenunan yang di-buat dalam pelbagai bentuk dan warna yang beranika jenis yang sungguh menarik. Kalaulah tidak dipecahkan ruyungnya maka manalah hendak didapatkan sagunya. Jadi, berbalik pada perkara ini, kalau-lah kita tidak menyampaikan pengetahuan yang ada pada orang lain maka sememangnya tidaklah ada hasilnya.

Sekolah adalah satu institusi yang unggul di mana setiap ilmu pen-getahuan diajar dan dipelajari. Maka paling wajarlah kalau seni tenunan ini diajar dengan lebih pesat lagi pada jenerasi-jenerasi muda kita.

Kajian ini juga bertanggungjawab untuk menyelidik sejauh manakah perkembangan seni tenunan telah mengambil tempat di sekolah-sekolah. Ini merangkumi kerjatangan tenunan yang terdapat di sekolah-sekolah menengah dan yang ada di masyarakat kita. Perlu ditambahkan lagi bahawa kajian ini berdasarkan kemampuan serta pengalaman yang ada

## 2) PENGENALAN

Seni Tenunan lambang kehalusan seni perusahaan tangan Melayu yang menjadi kemegahan kita telah lama bertapak dalam budaya tradisional Melayu sejak dahulu lagi.

Asalnya perkataan tenunan atau songket berasal dari perkataan "sungkit" iaitu "teknik menyungkit" dengan menggunakan lidi buluh atau bilah nibung melalui benang loseng (warp) dipermukaan alat tenun "kek". Proses ini dilakukan setelah disediakan benang "karat butang" dengan tujuan membuat rekacorak atau sulaman benang emas.

Pada awalnya, songket ini menjadi pakaian golongan diraja dan orang kenamaan. Para penenun menenun diperkarangan istana ataupun di rumah mereka dengan menciptakan kain songket yang bergemerlapan benang emasnya dengan berbagai corak yang indah lagi berseri. Walaupun pada asalnya kain songket menjadi pilihan pakaian golongan diraja; namun lama kelamaan ia mulai dipakai oleh rakyat biasa sebagai pakaian pengantin ataupun untuk menghadiri majlis-majlis keramaian.

Begitu istimewanya peranan kain songket sehingga kebolehan menenun dianggap sebagai salah satu daripada kepandaian yang patut ada pada setiap anak gadis. Menurut orang-orang tua, setiap anak gadis di zaman dulu harus mempunyai dua kebolehan, membaca Quran, menenun kain, barulah lengkap pendidikannya sebagai wanita yang sempurna.